# PERINTAH AM BAB E

## JENIS-JENIS RUMAH KERAJAAN

### • Rumah Khas Jabatan

**Rumah Kerajaan yang didirikan khas oleh Jabatan untuk seseorang pegawainya yang mustahak berada setiap masa dekat dengan tempat bekerja kerana kepentingan perkhidmatan pegawai.**

Pegawai yang dikehendaki tinggal atas panggilan(*on-call*). Contoh Pegawai Perubatan, Pegawai Paramedik,Jururawat.

P.A. Bab E & SR.3.1.1

Jika pegawai tidak menduduki RKJ, pegawai tidak layak ITP dan BPK

### • Rumah Biasa Kerajaan

**Rumah yang bukan dikhaskan untuk seseorang pegawai yang menjawat sesuatu jawatan tertentu dan diperuntukkan kepada pegawai yang layak memohonnya mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan.**

Pegawai perkhidmatan awam yang sedang berkhidmat layak memohon Rumah Biasa Kerajaan. Pegawai boleh memohon kepada BPH, JPM atau Ketua masing -masing

SR.3.1.1
SR.3.2.1

Pegawai perlu mengosongkan rumah jika memiliki rumah SPPK :
a) dalam lingkungan 25km radius dari mercu tanda (RBK bawah BPH); atau
b) dalam lingkungan 20 km daripada pejabat (RBK bawah agensi).

### • Rumah Khas Jawatan

**Rumah Kerajaan yang didirikan khas oleh Jabatan untuk :**

- ✓ **pegawai-pegawai yang memegang jawatan tertentu seperti Ketua Setiausaha Kementerian yang berjawatan gred Jawatan Utama 'B' dan ke bawah; dan**
- ✓ **pegawai-pegawai yang mustahak berada setiap masa dekat dengan tempat bekerja kerana kepentingan perkhidmatan.**

Contoh: Pengarah Intan, Pengarah Hospital, Pengetua Sekolah Pegawai yang dikehendaki tinggal atas panggilan (on-call).

SR.3.1.1

Jika pegawai tidak menduduki RKJ, pegawai tidak layak ITP dan BPK

### • Kediaman Rasmi Penjawat Tinggi Kerajaan

**Rumah yang dikhaskan untuk penjawat jawatan tinggi yang rumahnya boleh disediakan dengan perabot dan kelengkapan mengikut Surat Pekeliling Am Bil. 4/2021, seperti Ketua Setiusaha Negara, Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua Perkhidmatan dan Ketua Jabatan bertaraf Ketua Pengarah yang berjawatan gred Jawatan Utama 'A' dan ke atas.**

Ketua Setiausaha/ Perkhidmatan dan pegawai tinggi yang dikenal pasti oleh Kerajaan.

SR.3.1.1
SPA 4/2021

Surat edaran JPA(SARAAN)(S)223/8/5-1(6) bertarikh 29 Sept 2010 - Pindaan Dasar Berkaitan KRPTK- layak ITP dan tidak layak BPK jika tidak menduduki. Tidak termasuk rumah KSN.

### • Mes / Asrama Kerajaan

**Disediakan di Kem Polis atau Markas Tentera. Disediakan untuk Jururawat pelatih di hospital atau pusat latihan.**

- ✓ Pegawai Kanan ( termasuk Inspektor Polis ) dan Pegawai Rendah untuk anggota Polis atau Tentera.
- ✓ Jururawat atau Pembantu Jururawat di hospital atau pusat latihan

P.A. Bab E

### • Rumah Kediaman Luar Negeri

**Rumah yang disewa atau dimiliki oleh Kerajaan untuk kediaman pegawai-pegawai yang ditempatkan berkhidmat di kedutaan-kedutaan atau Pejabat-pejabat Kerajaan Malaysia di seberang laut**

Semua pegawai Kerajaan yang berkhidmat di luar negeri layak disediakan rumah kerajaan di luar negeri.

PP 3/2013

# KADAR KELAYAKAN ITP/BPK MENGIKUT JENIS RUMAH

| JENIS RUMAH | STATUS | ELAUN | KADAR |
|---|---|---|---|
| Rumah Biasa Kerajaan | Mendiami | ITP | 25% dari kadar ITP |
| | Tidak Mendiami | ITP | penuh |
| Rumah Biasa Kerajaan (substandard) | Mendiami | ITP | penuh |
| | Tidak Mendiami | | |
| Rumah Khas Jabatan / Rumah Khas Jawatan | Mendiami | BPK | 50% dari kadar ITP |
| | Tidak Mendiami | Tidak layak ITP & BPK | - |
| Kediaman Rasmi Penjawat Tinggi Kerajaan | Mendiami | BPK | 50% dari kadar ITP |
| | Tidak Mendiami | ITP | penuh |
| Mes / Asrama | Mendiami (wajib dan sepenuh masa) | ITP | 25% dari kadar ITP |
| Rumah Kediaman Luar Negeri | Rumah disediakan dan dibayar oleh kedutaan | | |

Nota:

1. Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) | Bayaran Perumahan Khas (BPK).
2. Pegawai yang menduduki Rumah Kerajaan dalam lingkungan 25 km jarak radius daripada pejabat layak 50% BISH(untuk pegawai yang layak BISH).